



JADUAL PEMBACAAN KHUTBAH JUMAAT SIRI 1/ 2022 (Bulan Januari Tahun 2022)

Bil.	Tajuk	Tarikh	Muka surat
1.	Tahun Berlalu, Mana Azam Baru?	7 Januari 2022M/ 4 Jamadillakhir 1443H	3
2.	Nabi Muhammad: Idola Umat	14 Januari 2022M/ 11 Jamadillakhir 1443H	9
3.	Menjadi Soleh Dan Musleh	21 Januari 2022M/ 18 Jamadillakhir 1443H	15
4.	Mensyukuri Nikmat Umur	28 Januari 2022M/ 25 Jamadillakhir 1443H	24
Khutbah Kedua			

Percetakan dibiayai:



زكاة فولو فينغ

No Telefon: 04-549 8088

***Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. SS Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor
(Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang

- 2. Prof. Madya Dr. Atikullah bin Abdullah**
Pensyarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia

- 3. Ustaz Rosli bin Othman**
Ketua Sektor Pendidikan Islam,
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang

- 4. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Ketua Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran,
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)

- 5. Ustazah Rohayati binti Daud**
Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia

- 6. Ustaz Mohd Salmi bin Shaimi**
Guru, Madrasah Irshad Al-Ashraf Al-Wataniah, SPS

- 7. Ustaz Subki bin Mohamed**
Pensyarah, IPG Kampus Tuanku Bainun

- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab
(Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



Tahun Berlalu, Mana Azam Baru?

(7 Januari 2022M / 4 Jamadilakhir 1443H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْوَاحِدِ الْقَهَّارِ، يُقَلِّبُ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ لِعِبْرَةٍ لِأُولِي الْأَبْصَارِ،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ عَالِمِ الْخَفَايَا وَالْأَسْرَارِ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ خَيْرُ الْأَبْرَارِ،
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ الْأَطْهَارِ وَعَلَى التَّابِعِينَ لَهُمْ
يَا حَسَنًا يَا خَيْرًا مَا اخْتَلَفَ اللَّيْلُ وَالنَّهَارُ،
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Pada hari yang penuh berkat ini, khatib ingin mengajak sidang jemaah semua untuk merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran atas nikmat iman dan Islam. Ayuh kita rebut kesempatan pada usia yang masih berbaki ini untuk terus memperkukuh keimanan dan ketakwaan kepada Allah dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya.

Sebelum melanjutkan bicara, suka khatib memberi peringatan. Marilah kita berikan sepenuh tumpuan kepada isi kandungan khutbah hari ini. Sedarlah bahawasanya perbuatan berbual-bual, bermain telefon bimbit atau tidur dengan sengaja adalah perbuatan sia-sia yang boleh menjejaskan kesempurnaan meraih ganjaran pahala. Mimbar pada hari ini membicarakan khutbah bertajuk: “**Tahun Berlalu, Mana Azam Baru?**”

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Tahun baru menjelma lagi. Lazimnya dengan kehadiran tahun baru, kita merangka azam dan strategi untuk berjaya. Elok juga kita bermuhasabah diri terhadap perjalanan kehidupan kita setahun yang telah berlalu.

Tahun 2020-2021, kita diuji dengan pandemik *Covid-19*. Bukan itu sahaja, beberapa negeri turut diuji dengan pelbagai bentuk dugaan. Lihatlah, musibah yang telah berlaku baru-baru ini seperti banjir, tanah runtuh dan kebakaran. Bersyukurlah, kita di negeri Pulau Pinang ini tidak ditimpa ujian-ujian tersebut. Namun, Allah bukan sekadar menguji mereka yang terlibat, bahkan turut menguji kita juga. Sejauh mana kita menzahirkan tanda simpati dan prihatin atau menghulur bantuan?

Alhamdulillah, Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP) melalui Zakat Pulau Pinang (ZPP) telah memperuntukkan bantuan berjumlah RM300,000.00 dalam membantu mangsa-mangsa yang terjejas dengan bencana banjir. Selain bantuan material dan kewangan, pada 25 dan 26 Disember 2021, para sukarelawan turut bergabung tenaga melalui Misi Bantuan Banjir agensi-agensi di bawah MAINPP ke Selangor dan Wilayah Persekutuan bagi meringankan beban mereka. Tabung khas juga diwujudkan di semua masjid pada 24 dan 31 Disember 2021 atas tujuan yang sama. Negeri Pulau Pinang juga tidak ketinggalan menganjurkan Majlis Solat Hajat dan Zikir Munajat di seluruh masjid bertujuan memohon perlindungan dari Allah **سُبْحَانَہُ وَتَعَالَى** dari wabak penyakit, bencana alam dan memulihkan ekonomi negara.

Rata-rata rakyat Malaysia masih terkesan dari sudut ekonomi dan sosial. Kita juga perlu teruskan hidup dalam norma baharu melalui S.O.P yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Berhubung dengan S.O.P ini, adalah amat wajar untuk kita terus mematuhi baginya bagi menjaga kemaslahatan ummah dari sudut keselamatan dan kesihatan diri. Bahkan, jika kita berniat untuk sama-sama mengelakkan musibah wabak kepada negara dengan menurut S.O.P oleh pihak kerajaan ini, maka kita beroleh pahala dan

ganjaran dari Allah atas ketaatan kita kepada *Ulil Amri*. Allah berfirman dalam Surah An-Nisa' ayat 59:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِيَ الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

Maksudnya: “Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul-Nya, dan Ulil-Amri di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah (Al-Quran) dan Rasul (sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama bagimu dan lebih baik akibatnya”.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Pada tahun baru ini, tahun 2022, di samping kita memperteguhkan keazaman untuk berjaya dalam hidup di dunia ini, marilah kita turut sama-sama merencana persediaan menuju negeri akhirat yang kekal abadi. Firman Allah dalam Surah Al-Hasyr ayat 18:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾

Maksudnya: “Hai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah dan hendaklah setiap diri memerhatikan apa yang telah diperbuatnya untuk hari esok (akhirat); dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan”.

Marilah kita menyiapkan bekalan menuju akhirat dengan melaksanakan semua amalan fardhu yang diperintahkan kepada kita

semua. Di samping itu, hendaklah kita memperbanyakkan amalan-amalan sunat untuk mencapai ketinggian darjat di sisi Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**.

Imam Al-Ghazali dalam kitabnya Bidayatul Hidayah, membuat analogi yang cukup baik berkenaan amalan fardhu dan sunat ini. Katanya amalan fardhu ini ibarat modal dan dengan modal ini kita akan selamat. Sedangkan amalan sunat pula ialah keuntungan dan dengan keuntungan ini kita akan beroleh beberapa darjat kelebihan dan mendapat kasih sayang Allah. Dalam satu hadis Nabi **صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ** yang bermaksud:

Daripada Abu Hurairah **رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ** beliau berkata: Rasulullah **صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ** bersabda: Sesungguhnya Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** berfirman:

“Siapa yang memusuhi waliku maka telah aku isytihar perang terhadapnya. Tiadalah seorang hamba berusaha untuk mendekatkan dirinya kepada aku yang lebih aku suka daripada apa yang telah aku fardhukan atasnya. Dan hambaku yang selalu mendekatkan diri kepadaku dengan amalan sunat, maka aku akan mencintainya. Dan jika aku telah mencintainya maka aku adalah pendengarnya yang digunakan untuk mendengar, akulah penglihatannya yang dia gunakan untuk melihat, akulah tangannya yang digunakannya untuk menyentuh dan aku lah kakinya yang digunakan untuk berjalan. Jika dia meminta kepadaku nescaya akan aku berikan dan jika dia minta perlindungan daripadaku nescaya akan aku lindungi”. (Hadis Riwayat al-Bukhari)

Allah menegaskan dalam hadis ini betapa sesuatu keazaman dan cita-cita yang baik itu akan mudah dicapai apabila kita diterima menjadi kekasih Allah. Pada ketika itu usahakanlah apa sahaja dan mohonlah kepada-Nya, nescaya Allah akan memakbulkannya.

Oleh yang demikian, marilah sama-sama kita merencana kehidupan kita pada tahun baru 2022 ini untuk memperelokkan amalan fardhu dan meningkatkan amalan-amalan sunat. Marilah sama-sama kita berusaha mencapai khusyuk dalam solat. Marilah sama-sama juga kita meringankan

badan kita untuk melaksanakan solat-solat sunat setiap hari sama ada solat Dhuha, solat Rawatib, solat Tahajud, solat Witir dan sebagainya.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Dalam merangka azam tahun baru ini juga, janganlah kita tersilap langkah dalam meletakkan keutamaan. Sebagai contoh, jangan sekadar memikirkan keutamaan untuk beroleh harta kekayaan untuk diri sendiri sahaja, tetapi fikirkan juga untuk menjadi kaya dengan tujuan untuk membantu insan-insan lain yang amat memerlukan.

Mimbar juga ingin mengingatkan bahawa kita perlu bersedia untuk mengharungi tahun baru ini dengan membuat perancangan yang baik terutamanya dalam aspek pengurusan kewangan. Dalam suasana ekonomi tidak menentu dan kos sara hidup semakin meningkat, pedoman agama mesti dijadikan panduan. Perbelanjaan yang baik ialah apabila ia dapat memenuhi keseimbangan antara kepuasan material dan kerohanian. Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** juga telah mengingatkan kita supaya menjauhi sikap boros dan bakhil.

Selain itu, marilah sama-sama kita turut merancang untuk memperbaiki hubungan silaturahim sesama manusia. Kembalilah melihat kaum kerabat kita yang memerlukan bantuan, santunilah anak-anak yatim dan berinfaklah untuk keperluan saudara kita yang miskin. Ingatlah juga firman Allah tentang saat-saat kita diambang kematian dalam Surah Al-Munafiqun ayat 10:

وَأَنْفِقُوا مِنْ مَّا رَزَقْنَاكُمْ مِّن قَبْلِ أَن يَأْتِي أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ فَيَقُولَ رَبِّ لَوْلَا أَخَّرْتَنِي إِلَىٰ أَجَلٍ قَرِيبٍ فَأَصَّدَّقَ وَأَكُن مِّنَ الصَّالِحِينَ ﴿١٠﴾

Maksudnya: “Dan belanjakanlah sebahagian dari apa yang telah kami berikan kepadamu sebelum datang kematian kepada salah seorang di antara kamu lalu ia berkata: “Ya Tuhanku, mengapa Engkau tidak menangguhkan (kematian) ku sampai waktu yang dekat, yang

menyebabkan aku dapat bersedekah dan aku termasuk orang-orang yang soleh?”.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bagi mengakhiri khutbah pada minggu ini, mimbar ingin merumuskan beberapa cadangan bagi kita merencanakan azam tahun baru 2022 ini:

Pertama: Rancanglah azam tahun baru secara holistik yakni merangkumi persiapan dan persediaan untuk berjaya di dunia dan juga di hari akhirat.

Kedua: Berazamlah untuk mendapat ketinggian darjat di sisi Allah dengan melaksanakan amalan fardhu dengan sempurna dan meningkatkan amalan sunat dari semasa ke semasa.

Ketiga: Berusahalah untuk membuat perancangan kewangan yang berhemah serta menjaga hubungan silaturrahim sesama manusia demi menjamin kehidupan yang barakah.

Keempat: Kematian tidak mengenal usia, justeru itu berazamlah untuk berinfak secara istiqamah.

Kelima: Berazam dan bertawakal kepada Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** sepanjang masa.

Semoga tahun baru ini menjanjikan kebaikan dan kerahmatan buat rakyat Malaysia amnya dan negeri Pulau Pinang khasnya serta dilindungi Allah dari segala bentuk musibah dan ujian.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

... فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥٩﴾

Maksudnya: “Apabila kamu telah membulatkan tekad, maka bertawakallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertawakal kepadaNya”. (Surah Ali-Imran ayat 159)

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْوَحْيَيْنِ، وَنَفَعِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا أَنْزَلَ عَلَى سَيِّدِ الثَّقَلَيْنِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ طَاعَتَهُ لِسَعَادَةِ الدَّارَيْنِ، أَقُولُ مِنْ قَلْبِي الْحَنِينِ،
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ أَجْمَعِينَ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُؤْمِنِينَ،
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْمَيِّتِينَ، فَاسْتَغْفِرُوهُ يَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ، وَهُوَ أَرْحَمُ
الرَّاحِمِينَ.



Khutbah Kedua Bulan Januari

2022M/ 1443H

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى
إِلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى
النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،
كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ
مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
اللَّهُمَّ آمِنَّا فِي أَوْطَانِنَا وَأَصْلِحْ أئِمَّتَنَا وَوَلَاةَ أُمُورِنَا وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ
عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-
Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa
Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in

Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj;

وَكذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

اللَّهُمَّ اكشِفْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَن بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِن سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu kepada-Mu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan selama ini. Engkau angkat dan hilangkanlah wabak penyakit Covid-19 yang sedang melanda kami agar dapat kami melaksanakan syiar-Mu dengan sempurna. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan yang berpanjangan. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid.

Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

اللَّهُمَّ قُوِّ إِيمَانَنَا، وَوَحِّدْ صُفُوفَنَا، وَاجْمَعْ قُلُوبَنَا عَلَى مَحَبَّتِكَ وَنُصْرَةِ شَرِيعَتِكَ،
بِرُحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ، وَسَلَامٌ عَلَى الْمُرْسَلِينَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

﴿سورة الصافات